

JABATAN ALAM SEKITAR

E - ISSN 2710-5644

PERTANDINGAN DEBAT ALAM SEKITAR antara Institusi Pendidikan Tinggi KALI KE-28 | TAHUN 2022



29



34

BENGGEL MEMBINA PENULIS
JABATAN ALAM SEKITAR



37

SAMBUTAN HARI OZON SEDUNIA
2022 PERINGKAT KEBANGSAAN

BIL. 3 TAHUN 2022
JULAI - SEPTEMBER

Kumpulan
Editorial



PENASIHAT
Dr. Norhazni
Binti Mat Sari



KETUA EDITOR
Zuraini Binti
Ahmad Tajudin



**TIMBALAN
KETUA EDITOR**
Abu Bakar Bin
Tajuddin



EDITOR
Ir. Shazana Binti
Mohd Ibrahim



**PENOLONG
EDITOR**
Zainirul Ailis Binti
Hj. Mustafa



PRAKATA KETUA PENGARAH JAS 3

JULAI 2022

| | |
|---|-------|
| PROGRAM PEMBERSIHAN PANTAI DAN PEMBERSIHAN DASAR LAUT DI PULAU PERHENTIAN, TERENGGANU SEMPERA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA (WED) 2022 | 4-5 |
| KURSUS WATER QUALITY AND WATER QUALITY MODELING LEVEL 2 | 6-7 |
| MESYUARAT TAHUNAN PERINGKAT ASEAN: 23RD MEETING OF THE TECHNICAL WORKING GROUP ON TRANSBOUNDARY HAZE POLLUTION (23RD TWG) & 23RD MEETING OF THE SUB REGIONAL MINISTERIAL STEERING COMMITTEE TRANSBOUNDARY HAZE POLLUTION (23RD MSC) | 8 |
| MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK PROGRAM PERTANDINGAN DEBAT ALAM SEKITAR ANTARA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT) KALI Ke-28 TAHUN 2022 | 9 |
| KEMASUKAN ENAM (6) ORANG PENOLONG JURUTERA GRED JA29 LANTIKAN BAHARU KEMPEN HINDARI PLASTIK SEKALI GUNA SEMPERA PROGRAM SINGGAH SENI : PUISI LESTARI ALAM SEKITAR | 11 |
| PAMERAN ALAM SEKITAR SEMPERA PERSIDANGAN DAN PAMERAN INOVASI AIR KEBANGSAAN (NWISE) 2022 | 12-13 |
| KUNJUNGAN HORMAT OLEH PIHAK WORLD BANK GROUP | 14 |
| BENGKEL PEMANTAPAN AMALAN INDUSTRI HIJAU DALAM KALANGAN INDUSTRI MELALUI KONSEP PENCEGAHAN PENCEMARAN | 15-16 |
| BENGKEL PEREKAYASAAN SISTEM ELECTRONIC SCHEDULE WASTE INFORMATION SYSTEM (eSWIS) | 17-18 |
| MESYUARAT KE-18 KUMPULAN KERJA JAWATANKUASA BERSAMA MALAYSIA – SINGAPURA MENGENAI ALAM SEKITAR (MSJCE WG) | 19-20 |
| JAS BERSAMA AECCOM, RAKAN ALAM SEKITAR (KLUSTER INDUSTRI) | 21 |

OGOS 2022

| | |
|---|-------|
| INDO-PACIFIC ENVIRONMENTAL SECURITY FORUM (IPESF 2022) | 22 |
| SEMINAR PENDEKATAN TMDL : SOLUSI PENCEMARAN AIR JANGKA PANJANG JAS SERTA PAMERAN KASA BERSEMPENA PROGRAM MALAYSIA AGRICULTURE, HORTICULTURE & AGROTOURISM (MAHA) 2022 | 24 |
| PROGRAM PEMBERSIHAN PANTAI KELANANG, BANTING, SELANGOR ANJURAN JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) DAN GLOBAL COMPONENT ASIA (GCA) | 25 |
| MESYUARAT PENYELARASAN PENGUATKUASAAN PELEPASAN KENDERAAN BERMOTOR JABATAN ALAM SEKITAR TAHUN 2022 | 26 |
| KURSUS PEMANDUAN DAN PENGENDALIAN KENDERAAN PACUAN EMPAT RODA (4X4) JABATAN ALAM SEKITAR TAHUN 2022 | 27-28 |
| PERTANDINGAN DEBAT ALAM SEKITAR ANTARA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI KALI KE-28 TAHUN 2022 | 29 |
| PROGRAM SISIPAN RAS 1: PROGRAM LAWATAN SAMBIL BELAJAR & KUDAH PROGRAM KUDAH DAN KEMPEN NO SINGLE USE PLASTIC | 30 |
| DI KUNDASANG, RANAU, SABAH | 31 |
| PERHIMPUNAN BULANAN BIL. 5/2022 DAN SAMBUTAN AMBANG KEMERDEKAAN KE 65 | 32 |

SEPTEMBER 2022

| | |
|--|-------|
| MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR BIL. 2/2022 | 33 |
| BENGKEL MEMBINA PENULIS JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) BAGI KERJASAMA PENERBITAN ILMIAH JAS DAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP) | 34-35 |
| MAJLIS AMANAT KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR KEPADA PEGAWAI BAHARU JAS SAMBUTAN HARI OZON SEDUNIA 2022 PERINGKAT KEBANGSAAN | 36 |
| | 37-38 |

HEBAHAN KOLEKSI BUKU PERPUSTAKAAN EIMAS

39-43

CROSS WORD PUZZLE

44

WORD SEARCH

45

PRAKATA

KETUA PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR



Assalamualaikum wbt dan
Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, JAS telah berjaya menerbitkan eBuletin JAS Bilangan 3/2022. Sekalung tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penerbitan eBuletin ini.

Saya mengharapkan agar semua warga JAS akan terus bekerja dengan tekun dan gigih demi mencapai sasaran kerja yang telah dirancang.

Saya juga ingin menekankan, adalah menjadi keutamaan kepada semua warga JAS supaya mengamalkan budaya kesegeraan dan keberhasilan dalam memberikan mutu perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Saya berharap agar kita dapat bersama memacu JAS dengan lebih cemerlang di samping menerapkan nilai-nilai positif seperti mementingkan keberhasilan kerja, komitmen, kerja berpasukan, integriti dan amanah dalam tugas yang dipertanggungjawabkan kepada kita.

Selamat maju jaya.

"Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama"



WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR
Ketua Pengarah Alam Sekitar

PROGRAM PEMBERSIHAN PANTAI DAN PEMBERSIHAN DASAR LAUT DI PULAU PERHENTIAN, TERENGGANU SEMPENA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA (WED) 2022

1 - 2 Julai 2022, Pulau Perhentian - Jabatan Alam Sekitar melalui Rakan Alam Sekitar (RAS) dengan kerjasama syarikat Pakar Scieno TW Sdn Bhd (PSTW) dan Bahagian Taman Laut, Jabatan Perikanan (BTL) telah melaksanakan program gotong royong pembersihan pantai di Pantai Kampung Nelayan dan Pantai Teluk Keke, Pulau Perhentian, Terengganu. Program ini dijayakan dengan penglibatan ahli RAS dan komuniti penduduk kampung setempat termasuk kanak-kanak dan pelajar.

Di samping itu, pasukan RAS ini turut melaksanakan aktiviti SCUBA iaitu penyelaman ke dasar laut bagi kerja-kerja pembersihan sampah sarap dan sisa pepejal yang mencemari dasar laut di kawasan Teluk Gadong, Pulau Perhentian.





Antara objektif penganjuran program ini adalah kita akan dapat memulihara hidupan marin yang sensitif kepada pencemaran marin seperti kuda laut dan menunjukkan kawasan perairan Pulau Perhentian ini masih berada dalam tahap yang sangat bersih dan tiada pencemaran berlaku, selain daripada meningkatkan hubungan di antara agensi kerajaan, pihak swasta dan orang awam. Aktiviti pembersihan pantai dapat mengelakkan sampah sarap mencemari laut dan mengancam hidupan marin, di samping memberikan kesedaran kepada orang awam tentang kepentingan penjagaan ekosistem pantai dan laut di perairan Taman Laut Pulau Perhentian.

Program ini juga dilaksanakan sempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia (WED) 2022 selaras dengan tema sambutan WED pada tahun ini iaitu "Only One Earth".

Semoga program dan kerjasama seumpama ini lebih kerap dianjurkan bagi meningkatkan kesedaran berkaitan alam sekitar.

KURSUS WATER QUALITY AND WATER QUALITY MODELING LEVEL 2

Bahagian Air dan Marin, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Ibu Pejabat telah menganjurkan Kursus *Water Quality and Water Quality Modeling Level 2* selama 3 hari pada 3 – 6 Julai 2022 di Hotel Taiping Perdana, Taiping, Perak. Kursus ini adalah sebahagian daripada siri kursus yang dirancang merangkumi beberapa peringkat. Peringkat pertama (Fundamentals) telah diadakan pada tahun lepas (2021) dan pada tahun ini peringkat kursus adalah peringkat kedua (Level 2).

Kursus ini yang telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Encik Rosli bin Mustafa, Pengarah Bahagian Air dan Marin JAS Ibu Pejabat telah dikendalikan oleh Ir. Dr. Zaki Zainuddin yang merupakan pakar dalam bidang kualiti air.

Seramai 22 orang peserta telah menyertai kursus ini yang terdiri daripada pegawai-pegawai JAS Ibu Pejabat dan JAS Negeri, Badan-Badan Kawal Selia Air (BKSA) Negeri, dan Jabatan/ Agensi Kerajaan yang dijemput.

Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan ilmu pengetahuan berkaitan kualiti air dan pemodelan kualiti air sungai ke arah penetapan jumlah maksimum beban harian (Total Maximum Daily Load, TMDL).



Hasil Program:

- i. Para peserta dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam perkara-perkara mengenai kualiti air dan pemodelan kualiti air;
- ii. Para peserta juga dapat mempelajari secara *hands on* pemodelan kualiti air (WASP) untuk diaplikasikan oleh para peserta dalam konteks kawalan pencemaran dan peningkatan kualiti air melalui pendekatan TMDL; dan
- iii. Para peserta mendapat inspirasi untuk langkah-langkah halatuju seterusnya meliputi proses perancangan dan pengaturan strategi bagi mengawal punca-punca pencemaran di bawah bidang kuasa berkaitan dalam usaha pemuliharaan sumber air sungai.




MESYUARAT TAHUNAN PERINGKAT ASEAN: 23RD MEETING OF THE TECHNICAL WORKING GROUP ON TRANSBOUNDARY HAZE POLLUTION (23RD TWG) & 23RD MEETING OF THE SUB REGIONAL MINISTERIAL STEERING COMMITTEE TRANSBOUNDARY HAZE POLLUTION (23RD MSC)

4 Julai 2022, Putrajaya - Malaysia telah menjadi tuan rumah bagi mesyuarat tahunan di peringkat ASEAN iaitu 23rd Meeting of the Technical Working Group on Transboundary Haze Pollution (23rd TWG) dan 23rd Meeting of the Sub Regional Ministerial Steering Committee Transboundary Haze Pollution (23rd MSC) pada 4 dan 5 Julai yang berlangsung di Putrajaya.

En. Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar telah mempengerusikan mesyuarat 23rd TWG yang dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dari 5 negara ASEAN iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand.

Mesyuarat ini juga dihadiri oleh pegawai kanan dari agensi-agensi di Malaysia seperti NADMA, MET Malaysia, KLN, MYSA, DOA, KETSA, JPSM dan AGC.

Dr Norhazni Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan JAS telah mengetuai delegasi Malaysia bersama pegawai-pegawai daripada Bahagian Udara, JAS dan Bahagian Pengurusan Alam Sekitar, KASA.



MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK PROGRAM PERTANDINGAN DEBAT ALAM SEKITAR ANTARA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT) KALI Ke-28 TAHUN 2022

6 Julai 2022, Putrajaya - Mesyuarat Induk Jawatankuasa Pertandingan Debat Alam Sekitar antara Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Kali Ke-28 Tahun 2022 telah diadakan pada secara hibrid (fizikal dan dalam talian). Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Yang Berusaha Dr. Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Jabatan Alam Sekitar (JAS) Malaysia. Mesyuarat turut dihadiri Puan Zuraini binti Ahmad Tajudin, Pengarah Komunikasi Strategik, Puan Hafizah binti Yahya@Ab. Rahim, Pengarah Teknologi Maklumat JAS, Encik Fauzi bin Rais, Pegawai Universiti Teknologi Malaysia merangkap Setiausaha Majlis Debat Universiti Awam (MADUM). Turut hadir adalah wakil daripada Kementerian Pengajian Tinggi, Pegawai MADUM, Pegawai Dewan Bahasa & Pustaka (DBP) dan wakil dari Institusi Pendidikan Tinggi yang turut serta dalam pertandingan debat tahun ini.

Antara intipati mesyuarat ini adalah hasrat Jabatan dan semua agensi yang terlibat agar program berprestij ini dapat berjalan dengan lancar dan sempurna. Mesyuarat turut membuat beberapa keputusan penting untuk memuktamadkan gerak kerja bagi persiapan menjelang tarikh pertandingan.



KEMASUKAN ENAM (6) ORANG PENOLONG JURUTERA GRED JA29 LANTIKAN BAHARU

Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar telah menerima kemasukan enam (6) orang Penolong Jurutera Gred JA29 lantikan baharu pada 15 Julai 2022 yang lalu. Pegawai-pegawai baharu ini telah diberikan latihan intensif selama empat (4) hari sebagai pengenalan kepada JAS dan fungsi Bahagian-bahagian yang ada, termasuk pengenalan kepada aspek-aspek teknikal yang bersesuaian dengan bidang tugas pegawai-pegawai ini kelak. Sesi perkongsian ilmu telah disampaikan oleh pegawai daripada Seksyen Sumber Manusia - Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Penguatkuasa, Bahagian Udara, Bahagian Penilaian, Bahagian Komunikasi Strategik dan Bahagian Teknologi Maklumat.

Para pegawai baharu ini turut menghadiri Kursus Penguatkuasa Teknikal yang telah diadakan pada 21 Julai 2022 secara maya. Kursus ini telah dianjurkan oleh Bahagian Penguatkuasa.

Semoga pegawai-pegawai baharu ini dapat memberikan khidmat terbaik di Jabatan Alam Sekitar dan perkhidmatan awam secara keseluruhannya.

Sesi Penyampaian Surat Penempatan kepada Penolong Jurutera Gred JA29 lantikan baharu oleh Puan Ani Fazliana Dato' Dahri, Pengarah Bahagian Pentadbiran dan Kewangan



Penyampaian Taklimat Berkenaan Urusan Pentadbiran dan Sumber Manusia oleh Seksyen Sumber Manusia, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan


KEMPEN HINDARI PLASTIK SEKALI GUNA SEMENA PROGRAM SINGGAH SENI : PUISE LESTARI ALAM SEKITAR

16 Julai 2022, Dataran Putrajaya Presint 3, Putrajaya – Sempena “Program Singgah Seni: Pui-se Lestari Alam Sekitar” bertempat di Dataran Putrajaya Presint 3, Rakan Alam Sekitar (RAS) telah mengambil peluang membuka satu booth pameran dan mempromosikan kempen *Plasticbusters*.

Tujuan utamanya adalah bagi meningkatkan kesedaran orang awam mengenai kesan penggunaan plastik sekali guna kepada alam sekitar.

Bagi membudayakan amalan ini, RAS telah mengedarkan beg guna semula kepada pengunjung yang hadir. Semoga amalan mulia ini terus mendapat sokongan dan menjadi gaya hidup lestari dalam masyarakat.



**PAMERAN ALAM SEKITAR SEMENA PERSIDANGAN DAN
PAMERAN INOVASI AIR KEBANGSAAN (NWICE) 2022**

19 - 20 Julai 2022, Kuala Lumpur Convention Centre, Kuala Lumpur - Rakan Alam Sekitar (RAS) menghadiri Persidangan dan Pameran Inovasi Air Kebangsaan (NWICE) 2022 dianjurkan secara bersama oleh NAHRIM, JPP dan KASA, dan menyasarkan penyertaan di kalangan pelbagai peringkat penyelidik, akademia dan pemain industri di dalam bidang air.

Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air pada 19 Julai 2022. Manakala Majlis Penutup telah disempurnakan oleh YB Dato' Mansor bin Haji Othman, Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air pada 21 Julai 2022.

NWICE 2022 mempunyai beberapa segmen iaitu kertas persidangan, poster, produk inovasi, pameran dan peserta.

Di dalam booth JAS, Rakan Alam Sekitar (RAS) bersama dengan syarikat konsesi Pakar Scieno TW Sdn Bhd (PSTW) telah mempamerkan Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar (EQMP), yang merangkumi pengumpulan data bagi pemantauan kualiti udara, kualiti air sungai dan kualiti air marin di seluruh Malaysia bagi tujuan melaporkan tahap sebenar kualiti alam sekitar negara dalam usaha untuk memantau, mencegah dan mengawal pencemaran. Sistem pengawasan EQMP akan berperanan sebagai mekanisme amaran awal bagi kejadian pencemaran alam sekitar seperti jerebu, tumpahan minyak, bencana industri dan pelupusan haram buangan serta toksik berbahaya.

Manakala pihak Universiti Malaysia Pahang (UMP) turut bersama-sama memperkenalkan teknologi produk baru iaitu peralatan yang mampu mengukur bau di dalam air.



KUNJUNGAN HORMAT OLEH PIHAK WORLD BANK GROUP

22 Julai 2022, Putrajaya - Kunjungan Hormat oleh pihak World Bank Group ke atas YBrs. Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia, En. Wan Abdul Latiff Wan Jaffar di Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya telah diketuai oleh En Yasuhiko Matsuda (Country Manager for Malaysia) diiringi oleh Puan Tan Mei Ling (Senior Country Operations Officer in Malaysia) dan pakar dari Environment, Natural Resources and Blue Economy, World Bank (Ms. Mary-Ellen Folley, Ms. Waraporn Hirunwatsiri, Dr. Thanavat Junchaya, dan Dr. Viraj Vithoontien).

Lawatan ini adalah bertujuan bagi membincangkan dan memperkukuhkan kerjasama Jabatan Alam Sekitar dan World Bank khususnya dalam perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar. Jabatan Alam Sekitar bersama World Bank sedang menyediakan pelan pengurangan Hidrofluorokarbon (HFC) bagi memenuhi obligasi negara di bawah Pindaan Kigali dan Protokol Montreal.



BENGKEL PEMANTAPAN AMALAN INDUSTRI HIJAU DALAM KALANGAN INDUSTRI MELALUI KONSEP PENCEGAHAN PENCEMARAN

24 - 26 Julai 2022, Hotel Concorde Shah Alam, Selangor - Bahagian Penguatkuasa, Seksyen Industri Hijau telah mengadakan Bengkel Pemurnian Draf Peraturan Industri Hijau dalam Memperkasakan Konsep Amalan Pengeluaran Bersih di Kalangan Industri ke Arah Pertumbuhan Hijau.

Objektif bengkel :

- i. Mendapatkan input daripada pakar-pakar perundangan bagi membangunkan Draf Peraturan Industri Hijau;
- ii. Membincangkan peraturan-peraturan yang terdapat dalam draf Peraturan Industri Hijau agar ianya adalah secara menyeluruh dan relevan untuk dilaksanakan; dan
- iii. Memperhalusi draf Peraturan Industri Hijau agar ianya selari dengan pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Kehadiran pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) adalah yang mempunyai latar belakang berkaitan Industri Hijau dan perundangan daripada Bahagian di Ibu Pejabat dan juga Negeri, wakil daripada Malaysia Green Technology & Climate Change Corporation (MGTC) dan wakil daripada perunding (UKM Pakarunding Sdn. Bhd).



BENGKEL PERATURAN INDUSTRI HIJAU



Bengkel Pemurnian Draf Peraturan Industri Hijau dalam Memperkasakan Konsep Amalan Pengeluaran Bersih di Kalangan Industri ke Arah Pertumbuhan Hijau telah diadakan selama tiga (3) hari di Hotel Concorde, Shah Alam, Selangor. Bengkel dirasmikan oleh Pengarah Bahagian Penguatkuasa, Tn Haji Shafe'ee bin Yasin. Bengkel ini telah dihadiri oleh pegawai-pegawai JAS yang mempunyai pengalaman dalam bidang fokus Industri Hijau dan juga khususnya dalam pengubalan undang-undang. Turut serta dalam bengkel tersebut ialah wakil daripada MGTC dan juga wakil perunding kajian.

Hasil daripada bengkel ini, Draf Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Audit Alam Sekeliling) (Industri Hijau) 202X telah dimurnikan dan telah pun dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Semakan dan Gubalan Undang-Undang di bawah Jabatan Alam Sekitar Bilangan 3/2022 pada 31 Julai - 2 Ogos 2022.

BENGGEL PEREKAYASAAN SISTEM ELECTRONIC SCHEDULE WASTE INFORMATION SYSTEM (eSWIS)



Pada 25 – 27 Julai 2022, Bahagian Bahan Berbahaya dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat telah mengadakan Bengkel Perekayasaan Electronic Schedule Waste Information System (eSWIS) di Hotel Concorde, Shah Alam. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Pengarah Bahagian Bahan Berbahaya, Ts. Azlan Bin Ahmad dan turut dihadiri oleh Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat, Puan Hafizah binti Yahya @ Ab Rahim.



Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk menambah baik dan memperkasakan sistem selain daripada untuk mendapatkan input dan keperluan awal daripada peserta bengkel bagi memastikan Sistem eSWIS yang baharu lebih mudah digunakan dan mampu membantu pegawai dalam menjalankan kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan terhadap pengurusan buangan terjadual oleh industri.



eSWIS merupakan sistem yang diguna pakai oleh setiap pengendali buangan terjadual iaitu di peringkat pengeluar buangan terjadual, pengangkut buangan terjadual dan penerima buangan terjadual dan dipantau penggunaannya oleh Jabatan Alam Sekitar. Sistem ini memudahkan pengendali buangan terjadual untuk merekodkan maklumat-maklumat buangan seperti notifikasi buangan terjadual, inventori buangan dan juga nota konsainan selaras dengan peruntukan undang-undang berkaitan buangan terjadual.



Peserta bengkel ini adalah terdiri daripada pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar Negeri yang berkemahiran dalam mengendalikan sistem eSWIS. Hasil dapatan yang diperolehi dari bengkel ini akan dijadikan sebagai spesifikasi bagi keperluan pembangunan naik taraf Sistem eSWIS. Spesifikasi yang terperinci dan jelas adalah sangat penting bagi memastikan kos pembangunan sistem adalah tepat dan sistem yang akan dibangunkan atau dinaik taraf dapat digunakan dengan lancar.



MESYUARAT KE-18 KUMPULAN KERJA JAWATANKUASA BERSAMA MALAYSIA – SINGAPURA MENGENAI ALAM SEKITAR (MSJCE WG)

26 - 27 Julai 2022, Kuala Lumpur - Mesyuarat Ke-18 Kumpulan Kerja Jawatankuasa Bersama Malaysia-Singapura Mengenai Alam Sekitar (MSJCE WG) telah diadakan di Intercontinental Hotel, Kuala Lumpur.

Mesyuarat dipengerusikan secara bersama oleh En. Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar, Malaysia dan En. Luke Goh, Ketua Pegawai Eksekutif, National Environment Agency, Singapura.

Mesyuarat ini diadakan bagi menyelaraskan pendirian kedua-dua buah negara berhubung isu-isu alam sekitar yang melibatkan Selat Johor, tindakan kawalan pencemaran dan kualiti alam sekitar seperti kenderaan bermotor, kualiti air di perairan Selat Johor, pengurusan bahan kimia dan buangan berbahaya, dan hal-hal berkaitan keselamatan dan kerjasama di dalam pengurusan kecemasan dan kawalan pencemaran tumpahan minyak dan bahan kimia.





Mesyuarat ini juga melibatkan kehadiran delegasi-delegasi Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dan 12 wakil agensi lain dalam negara termasuklah, Pejabat Peguam Negara, Kementerian Luar Negara, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Laut Malaysia, Lembaga Pelabuhan Johor, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Jabatan Pengairan dan Saliran, Pusat Hidrografi Nasional, Agensi Angkasa Malaysia, Jabatan Perikanan, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Manakala 10 wakil agensi dari Singapura yang terdiri daripada National Environment Agency, Singapore, Singapore Environment Institute, National's Water Agency, Singapore, Ministry of Sustainability and the Environment, Singapore, Maritime and Port Authority of Singapore, Ministry of Foreign Affairs, Singapore, Ministry of National Development, Singapore, Housing and Development Board, Singapore, National Parks Board, Singapore dan Jurong Town Council, Singapore.




JAS BERSAMA AECCOM, RAKAN ALAM SEKITAR (KLUSTER INDUSTRI)

Pada 30 Julai 2022, Dr. Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) mewakili Ketua Pengarah Alam Sekitar telah dijemput untuk menyampaikan ucaptama di mesyuarat Agung Tahunan *Association of Environmental Consultants and Companies of Malaysia*.

Antara lain beliau menyeru agar industri terus mematuhi Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 sebagai salah satu langkah ke arah industri yang lebih cekap dan mesra alam. Ini juga merupakan sumbangan pihak industri dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan 2030.

Pihak industri diminta untuk memastikan kehendak persijilan Orang Yang Berwibawa dapat dipenuhi bagi membolehkan pelepasan daripada efluen perindustrian, pelepasan pencemar ke udara dan buangan terjadual yang terjana diuruskan dengan baik.

Sesi bersama Rakan Alam Sekitar (Kluster Industri) selama 90 minit telah dihadiri oleh ahli-ahli AECCOM.



INDO-PACIFIC ENVIRONMENTAL SECURITY FORUM (IPESF 2022)

Indo-Pacific Environmental Security Forum (IPESF 2022) telah diadakan pada 1-4 Ogos 2022 di Kurumba, Male, Maldives. Delegasi daripada Malaysia ke forum ini ialah Dr. Norhazni Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan JAS dan Brigadier General Johari Mohd Jaafar dari Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

IPESF merupakan acara tahunan yang menyediakan satu platform kepada semua pemegang taruh untuk membincangkan kerjasama dalam menyediakan satu "actionable plan" untuk isu-isu berkaitan keselamatan alam sekitar untuk rantau Indo-Pacific.

SEMINAR PENDEKATAN TMDL : SOLUSI PENCEMARAN AIR JANGKA PANJANG

Bahagian Air dan Marin, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Ibu Pejabat telah menganjurkan Seminar Pendekatan TMDL : Solusi Pencemaran Air Jangka Panjang pada 3 Ogos 2022 di Hotel Pulse Grande, Putrajaya. Seminar ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman, strategi dan maklumat pelaksanaan TMDL oleh pakar kualiti air dan agensi pelaksana di samping memberi kesedaran dan pengetahuan untuk menyebarkan dan membudayakan pelaksanaan TMDL sebagai halatuju kaedah kawalan pencemaran air di seluruh negara. Seminar ini telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Encik Rosli bin Mustafa, Pengarah Bahagian Air dan Marin JAS Ibu Pejabat.



Seramai 60 orang peserta telah menyertai seminar ini yang terdiri daripada pegawai-pegawai JAS Ibu Pejabat dan JAS Negeri, Jabatan/ Agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Hasil Program:

- i. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para peserta dalam perkara-perkara mengenai kualiti air; dan
- ii. Mendedahkan para peserta dengan halatuju perancangan dan pengaturan strategi bagi mengawal punca-punca pencemaran di bawah bidangkuasa berkaitan dalam usaha pemuliharaan sumber air sungai.

PAMERAN KASA BERSEMPENA PROGRAM MALAYSIA AGRICULTURE, HORTICULTURE & AGROTOURISM (MAHA) 2022

4 - 14 Ogos 2022, Ladang Ternakan, MAEPS, Serdang - Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telah menyertai program MAHA yang berlangsung pada bulan Ogos yang lalu dan Jabatan Alam Sekitar telah dipelawa untuk turut serta oleh pihak KASA sebagai pempamer di bawah booth KASA bersama-sama dengan Jabatan Meteorologi Malaysia, Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan Indah Water Konsortium. Pengisian bahan pameran yang telah dipilih daripada JAS ialah Projek Perintis Penyeragaman Sistem Pengolahan Efluen Dalam Pengurusan Buangan Ternakan dan pendaftaran Rakan Alam Sekitar (RAS).

Program MAHA 2022 ini diadakan semula setelah dihentikan seketika akibat pandemik COVID-19 dan kali terakhir MAHA dilangsungkan pada tahun 2018. Bagi penganjuran MAHA kali ini pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menggunakan tema "Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan" atau "Food Security for the Future", penetapan tema ini adalah bertepatan dengan tumpuan yang sedang diberikan dalam memperkukuhkan agenda sekuriti makanan Negara.



Petugas :

1. Dua (2) orang pegawai dari Bahagian Komunikasi Strategik; dan
2. Dua (2) orang pegawai Bahagian Penguatkuasa

Kandungan :

JAS telah memberikan penerangan kepada pengunjung booth KASA berkaitan pengurusan kawalan pencemaran daripada sisa ternakan dan juga mempromosikan pendaftaran keahlian RAS. Seramai 288 orang ahli RAS telah didaftarkan sepanjang pameran MAHA kali ini.

Hasil :

Secara keseluruhannya, penyertaan dan penglibatan JAS di dalam MAHA telah memberikan impak yang positif dari segi penyampaian maklumat berkaitan peranan JAS kepada orang awam.

PROGRAM PEMBERSIHAN PANTAI KELANANG, BANTING, SELANGOR ANJURAN JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) DAN GLOBAL COMPONENT ASIA (GCA)

6 Ogos 2022, Pantai Kelanang, Banting - Jabatan Alam Sekitar melalui Rakan Alam Sekitar (RAS) dengan kerjasama syarikat Global Component Asia (GCA) dan Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) telah melaksanakan program gotong royong pembersihan pantai di Pantai Kelanang, Banting, Selangor. Program ini dijayakan dengan penglibatan ahli RAS dan komuniti termasuk kanak-kanak dan pelajar.

Objektif penganjuran program ini adalah :

1. Pemuliharaan persekitaran marin;
2. Meningkatkan hubungan kerjasama di antara agensi kerajaan, pihak swasta dan orang awam;
3. Mengelakkan sampah sarap mencemari laut dan mengancam hidupan marin; dan
4. Memberikan kesedaran kepada orang awam tentang kepentingan penjagaan ekosistem pantai dan laut di perairan Pantai Kelanang, Banting.

Melalui program ini, sisa pepejal dan sampah yang telah berjaya dikutip ialah dengan berat melebihi 300 kilogram.

Semoga program dan kerjasama seumpama ini lebih kerap dianjurkan bagi meningkatkan kesedaran berkaitan alam sekitar.



MESYUARAT PENYELARASAN PENGUATKUASAAN PELEPASAN KENDERAAN BERMOTOR JABATAN ALAM SEKITAR TAHUN 2022

Tarikh : 22 – 24 Ogos 2022

Tempat : Bangi Resort Hotel

Objektif :

Mesyuarat diadakan bagi memaklumkan hala tuju dan status pencapaian penguatkuasaan kenderaan bermotor bagi tahun 2021 dan tahun 2022 (sehingga Jun 2022) bagi setiap Negeri.

Kehadiran :

- i. Pegawai Jabatan Alam Sekitar Negeri
- ii. Pegawai Bahagian Penguatkuasa, Ibu Pejabat
- iii. Pegawai Bahagian Udara, Ibu Pejabat

Mesyuarat telah dipengerusikan bersama oleh YBrs. Pengarah Bahagian Udara, Pn. Mashitah binti Darus dan YBrs. Tn. Hj. Shafe'ee bin Yasin, Pengarah Bahagian Penguatkuasa. Mesyuarat telah dimaklumkan akan hala tuju dan status pencapaian penguatkuasaan kenderaan bermotor bagi tahun 2021 dan tahun 2022 (sehingga Jun 2022). Mesyuarat juga membincangkan isu-isu yang berbangkit di JAS Negeri berkenaan pelaksanaan penguatkuasaan kenderaan bermotor.

Mesyuarat juga telah membincangkan Prosedur Operasi Tetap (PTO) Penguatkuasaan peraturan berkaitan kawalan refrigeran. Pada mesyuarat tersebut juga, alat pengukuran refrigeran telah diedarkan kepada semua JAS Negeri bagi tujuan penguatkuasaan di lapangan.

Hasil :

Secara keseluruhannya, pengurusan JAS merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada semua pegawai JAS Negeri atas pencapaian penguatkuasaan kenderaan bermotor. Semoga penguatkuasa JAS terus komited dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam memastikan sasaran yang telah ditetapkan dapat dicapai.



KURSUS PEMANDUAN DAN PENGENDALIAN KENDERAAN PACUAN EMPAT RODA (4X4) JABATAN ALAM SEKITAR TAHUN 2022

Kursus Pemanduan dan Pengendalian Kenderaan Pacuan Empat Roda (4x4), Jabatan Alam Sekitar Tahun 2022 telah diadakan pada 24 hingga 26 Ogos 2022 di D'Pulau Tibang Camp, Ulu Slim, Perak.

Kursus ini telah dihadiri oleh 30 orang peserta daripada JAS Ibu Pejabat dan JAS Negeri Semenanjung Malaysia. Kursus ini dikendalikan sepenuhnya oleh pihak konsultan profesional di dalam pemanduan dan pengendalian kenderaan pacuan empat roda yang telah dilantik oleh Jabatan.

Objektif kursus ini adalah seperti berikut:

- i. Mendedahkan peserta kepada teknik pemanduan yang berhemah dan selamat secara teori dan praktikal dalam mengendalikan kenderaan secara *off-road* atau *on-road*;
- ii. Mendedahkan peserta kepada sistem pacuan empat roda dan komponen-komponennya dengan lebih terperinci dan menyeluruh;
- iii. Membantu peserta mempelajari teknik dan melakukan sendiri aktiviti pemulihan kenderaan dalam suasana *off-road*;
- iv. Membina keyakinan diri peserta dalam pemanduan terutamanya semasa menghadapi situasi-situasi yang kritikal ketika pemanduan; dan
- v. Membina dan memupuk semangat setiakawan, saling percaya dan jujur dalam pasukan.

Sepanjang tiga (3) hari kursus ini berlangsung, peserta telah melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran meliputi ceramah/ teori, praktikal pemanduan kenderaan dan ujian bertulis.



KOLEKSI GAMBAR SEKITAR KURSUS PEMANDUAN DAN PENGENDALIAN KENDERAAN PACUAN EMPAT RODA (4X4)



PERTANDINGAN DEBAT ALAM SEKITAR ANTARA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI KALI KE-28 TAHUN 2022

25 Ogos 2022, Sabah - Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah dinobatkan sebagai johan menewaskan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam Pertandingan Akhir Debat Alam Sekitar antara IPT kali ke-28 pada tahun ini.

